

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.gaexcellence.com/ijmoe**PEMILIHAN PLATFORM MEDIA SOSIAL DALAM
MENYOKONG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
BAHASA ANTARABANGSA DALAM KALANGAN
PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA***SOCIAL MEDIA PLATFORM SELECTION IN ENHANCING THE
TEACHING AND LEARNING OF INTERNATIONAL LANGUAGES AMONG
UNIVERSITY UTARA MALAYSIA STUDENTS*Masni Mansor^{1*}, Zeety Kartini Abdul Hamid², Aida Husni Abdul Hamid³, Aziah Ahmad⁴¹School of Languages, Civilization and Philosophy, Universiti Utara Malaysia mmasni@uum.edu.my <https://orcid.org/0009-0005-9286-0570>²School of Languages, Civilization and Philosophy, Universiti Utara Malaysia kartini@uum.edu.my <https://orcid.org/0009-0007-3223-3051>³School of Languages, Civilization and Philosophy, Universiti Utara Malaysia aidahusni@uum.edu.my <https://orcid.org/0009-0006-9568-2869>⁴School of Languages, Civilization and Philosophy, Universiti Utara Malaysia aziah.ahmad@uum.edu.my <https://orcid.org/0009-0004-8263-5911>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 20.07.2026

Revised date: 03.08.2026

Accepted date: 30.08.2026

Published date: 10.09.2026

Abstrak:

Perkembangan teknologi digital telah mengubah landskap pembelajaran bahasa antarabangsa, terutamanya melalui penggunaan media sosial sebagai medium sokongan pedagogi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti platform media sosial yang dipilih serta faktor yang mempengaruhi pilihannya. Kaedah temu bual digunakan ke atas lima (5) orang informan yang terdiri daripada pelajar bahasa Sepanyol, Jerman dan Arab. Temu bual ini dijalankan bagi memperoleh data tentang pemilihan platform media sosial dan faktor pemilihan serta penggunaan media sosial dalam pembelajaran bahasa antarabangsa. Hasil dapatan menunjukkan bahawa platform YouTube, TikTok, Instagram, Facebook dan Xiaohongshu (Red Note) merupakan antara medium yang menjadi pilihan pelajar. Faktor pemilihan adalah mudah difahami, cepat diakses, visual dan mempunyai sebutan yang menarik serta terdapat latihan interaktif. Selain itu, pemilihan juga berdasarkan

To cite this document:

Mansor, M., Hamid, Z. K. A., Hamid, A. H. A., & Ahmad, A. (2026). Pemilihan Platform Media Sosial Dalam Menyokong Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Antarabangsa Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *International Journal of Modern Education*, 8(31), 282-296.

DOI: 10.35631/IJMOE.831017

faktor video yang pendek dan padat, terdapat hashtag untuk memudahkan pencarian, terdapat terjemahan segera, kandungan praktikal dan menjimatkan masa serta terdapat tahap pembelajaran yang boleh dipilih oleh pelajar. Data menunjukkan pemilihan platform media sosial ini adalah untuk membantu pelajar dalam pembelajaran tatabahasa, kosa kata, struktur ayat, sebutan dan belajar daripada ayat asas kepada ayat yang kompleks serta mengetahui kaedah yang lebih baik dalam pembelajaran bahasa antarabangsa. Kesimpulannya, pemilihan media sosial dalam pembelajaran bahasa antarabangsa bukan sahaja dipengaruhi oleh populariti platform, tetapi juga oleh ciri pedagogi yang menyokong proses pemerolehan bahasa. Kajian ini memberikan implikasi yang dapat membantu tenaga pengajar bahasa antarabangsa dalam mengenal pasti platform yang sesuai untuk diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran antarabangsa.

Kata Kunci:

Bahasa Antarabangsa, Media Sosial, Pedagogi, Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Antarabangsa, Platform

Abstract:

The advancement of digital technology has transformed the landscape of international language learning, particularly through the use of social media as a pedagogical support medium. This study examines the use of social media by students in learning international languages at Universiti Utara Malaysia. An interview method was employed involving five (5) informants consisting of students of Spanish, German, and Arabic languages. The interviews were conducted to obtain data regarding the selection of social media platforms, the factors influencing such selection, and the use of social media in international language learning. The findings indicate that YouTube, TikTok, Instagram, Facebook, and Xiao Hong Shu (Red Note) are among the preferred platforms chosen by students due to their ease of understanding, quick accessibility, engaging visuals and pronunciation features, availability of interactive exercises, concise short videos, hashtag functions that facilitate searches, instant translation features, practical content, time efficiency, and selectable learning levels. The data further reveal that the selection of these social media platforms assists students in learning grammar, vocabulary, sentence structures, pronunciation, progressing from basic to complex sentence forms, and identifying more effective approaches to international language learning. In conclusion, the selection of social media platforms in international language learning is influenced not only by platform popularity, but also by pedagogical features that support the language acquisition process. It is hoped that this study will assist international language educators in identifying suitable platforms for implementation in teaching and learning practices.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

International Languages, Pedagogy, Platforms, Social Media, Teaching and Learning of International Languages

Pengenalan

Selaras dengan perkembangan teknologi digital, pengajaran dan pembelajaran bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia (UUM) kini turut berubah dan perlu seiring dengan perubahan semasa. Justeru, kaedah tradisional yang bergantung sepenuhnya kepada pensyarah semakin beralih kepada pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif dan fleksibel melalui penggunaan pelbagai aplikasi dan platform dalam talian (Wen, et al, 2025; Salsabila, O. N. 2026).

Penggunaan platform seperti *Zoom*, *Google Classroom* dan *Webex* membantu dalam penyampaian pengajaran secara dalam talian dan penggunaan media sosial dapat memberi nilai tambah dalam pembelajaran bahasa (Husain, S. et al., 2022; Ibrahim, et al., 2024). Hal ini adalah kerana media sosial menyediakan ruang untuk menguasai bahasa secara lebih autentik dan berinteraksi dengan penutur asli atau komuniti bahasa asing dalam situasi komunikasi yang sebenar. Media sosial tidak hanya membantu meningkatkan kemahiran berbahasa, tetapi juga membantu melatih kemahiran berkomunikasi dengan baik, berfikir secara kritis, dan bekerjasama secara berkumpulan.

Menurut kajian Manca dan Ranieri (2016), tingkah laku digital pelajar universiti adalah tidak konsisten kerana sering dipengaruhi oleh perubahan trend dan algoritma media sosial. Sebagai contoh, platform seperti *Facebook* dan *Twitter* lebih popular dalam kalangan pelajar generasi terdahulu, manakala generasi kini lebih cenderung menggunakan *TikTok* dan *Instagram*. Perbezaan generasi ini menunjukkan bahawa pemilihan platform media sosial sentiasa berubah mengikut masa dan cara penggunaan.

Media sosial adalah platform dalam talian yang memainkan peranan penting dalam membantu proses belajar bahasa antarabangsa di peringkat universiti. Perkembangan teknologi internet, aplikasi telefon bimbit, dan penggunaan telefon pintar telah membantu pelajar mendapat akses kepada banyak sumber pembelajaran dalam bentuk digital. Selain sebagai alat untuk berkomunikasi, media sosial juga digunakan sebagai cara belajar yang membantu pelajar mendapatkan maklumat dengan lebih cepat, berinteraksi dengan rakan sebaya, serta melakukan pembelajaran sendiri dengan lebih mudah. Kajian oleh Husain, Darmi, Mohd Nor dan Ismail (2022), menyatakan bahawa teknologi digital dapat meningkatkan mutu pembelajaran, terutamanya dalam situasi pembelajaran secara dalam talian.

Selain itu, penggunaan media sosial juga boleh memenuhi keperluan orang ramai yang meminati pembelajaran dengan cara yang lebih fleksibel, interaktif dan mudah untuk mendapatkan maklumat dengan cepat.

Aloraini, N., (2022) mendapati bahawa pelajar menunjukkan sikap positif terhadap penggunaan media sosial sebagai alat pembelajaran bahasa.

Permasalahan Kajian

Perkembangan teknologi digital telah mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa antarabangsa dalam pendidikan tinggi. Media sosial seperti *YouTube*, *TikTok*, *Instagram*, *WhatsApp* dan pelbagai aplikasi pembelajaran bahasa kini semakin popular dan digunakan oleh pelajar sebagai kaedah untuk mendapatkan pendedahan bahasa, berinteraksi dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Pelbagai kajian yang telah dilakukan sebelum ini menunjukkan

bahawa penggunaan media sosial boleh membantu meningkatkan motivasi, penglibatan dan keberkesanan dalam pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, dapatan kajian itu lebih bersifat umum dan tidak menggambarkan cara penggunaan media sosial dalam konteks pembelajaran bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Sehingga kini, masih tidak ada data empirikal yang menunjukkan platform media sosial yang paling kerap digunakan oleh pelajar untuk membantu pembelajaran bahasa di UUM. Ketiadaan maklumat ini menimbulkan kesukaran kepada tenaga pengajar dan institusi dalam menentukan platform yang sebenarnya sesuai untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap platform media sosial mempunyai ciri, fungsi, dan potensi dalam membantu pelajar menguasai bahasa yang berbeza.

Di samping itu, tren penggunaan media sosial sentiasa berubah mengikut kemajuan teknologi, perubahan algoritma serta kecenderungan generasi pengguna. Menurut Manca dan Ranieri (2016), tingkah laku digital pelajar universiti adalah dinamik dan tidak konsisten kerana dipengaruhi oleh perubahan trend penggunaan platform media sosial. Platform seperti *Facebook* dan *Twitter* yang pernah menjadi pilihan utama sebelum ini, semakin kurang digunakan oleh pelajar-pelajar dalam era digital kini, manakala *TikTok*, *Instagram* dan aplikasi lain yang berasaskan video pendek pula mula menarik perhatian ramai. Perubahan ini menunjukkan bahawa dapatan kajian yang telah dibuat sebelum ini mungkin tidak lagi tepat untuk situasi sekarang. Oleh sebab itu, kajian yang terkini perlu dilakukan dalam konteks pelajar bahasa antarabangsa di UUM.

Selain itu, penyelidikan yang ada masih kurang untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar bahasa antarabangsa terhadap platform media sosial. Pemilihan satu platform bukan hanya bergantung kepada populariti aplikasi tersebut, malah juga melibatkan aspek kemudahan akses, ciri interaktif, jenis kandungan, motivasi pembelajaran, serta kesesuaian platform dengan keperluan pembelajaran bahasa. Kurangnya maklumat mengenai faktor-faktor ini membataskan pemahaman tentang bagaimana media sosial ini dapat dimanfaatkan secara optimum sebagai alat pembelajaran bahasa.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti trend penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia serta faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan media sosial tersebut dalam proses pembelajaran bahasa. Kajian ini memberikan implikasi dan bukti nyata yang boleh membantu tenaga pengajar, pihak universiti dan pihak pembuat dasar dalam merancang strategi pengajaran yang lebih sesuai dengan keperluan pelajar generasi digital. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu memaksimumkan penggunaan media sosial sebagai alat sokongan dalam pembelajaran bahasa antarabangsa.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti platform media sosial yang dipilih serta faktor yang mempengaruhi pemilihan oleh pelajar Universiti Utara Malaysia dalam pembelajaran bahasa antarabangsa.

Soalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Apakah trend penggunaan media sosial oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia?
- ii) Apakah faktor pemilihan media sosial yang digunakan oleh setiap pelajar bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia?

Sorotan Karya

Terdapat empat perkara yang akan dibincangkan berdasarkan kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Media Sosial dalam Pendidikan

Kajian oleh Abdul Hamid, A. H., Abdul Hamid, Z. K., & Mansor, M. (2023) mengkaji kepelbagaian trend pelajar menggunakan media sosial dalam pembelajaran bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. Kajian kualitatif yang melibatkan 178 orang pelajar mendapati media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* telah dikenal pasti sebagai platform yang berpotensi memotivasikan pelajar melalui interaksi dan aplikasi bahasa dalam konteks sebenar.

Kajian oleh A. Nasution (2020) yang telah melihat cara mengintegrasikan media sosial ke dalam pembelajaran generasi Z adalah dengan memanfaatkan media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Twitter*, dan *Instagram* sebagai media pembelajaran. Menurut kajian ini, secara praktikal media sosial ini boleh digunakan sebagai kelas maya, forum perbincangan, tempat berkongsi bahan pembelajaran, berkongsi video dan gambar, dan berkongsi pautan maklumat sekitar pelajaran.

Media Sosial Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran

Fuja Siti Fujiawati & Reza Mauldy Raharja (2021) telah menjalankan kajian terhadap 42 orang mahasiswa universiti dan mendapati bahawa pelajar sudah biasa menggunakan media sosial Instagram dalam kehidupan seharian mereka, dan sebanyak 64.3% merasakan penggunaan media sosial Instagram boleh digunakan sebagai penyelesaian alternatif untuk pembelajaran. Kaedah pendekatan kualitatif yang berfokus dari tinjauan literatur telah digunakan dengan mengkaji penggunaan media pembelajaran dan pembentangan projek untuk mengetahui maklum balas pelajar.

Zamri, F.A., (2021) dalam kajian Penggunaan Media Sosial Sebagai Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di IPT. Kajian ini dijalankan untuk melihat potensi penggunaan media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPT yang terpilih. Kajian ini melibatkan 146 orang pelajar yang mengambil jurusan Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia dan Kolej Universiti Islam Selangor. Hasil kajian menunjukkan penggunaan media sosial sememangnya meluas tanpa mengira latar belakang pengguna. Namun, penggunaannya sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam hanya berada pada tahap sederhana. Hasil kajian juga

mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan antara pemboleh ubah. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan sederhana yang tinggi antara tujuan penggunaan media sosial dan persepsi pelajar terhadap media sosial sebagai salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di IPT.

Media Sosial Meningkatkan Kemahiran dan Komunikasi

Mazni, Mohd Ahyar, Jambari, Noh@Seth & Pairan (2023) telah menjalankan kajian terhadap 75 orang pelajar tahun akhir bidang pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) di Sekolah Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia terhadap penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi *Twitter*, *Youtube* dan *Instagram*. Kajian mendapati bahawa platform *Youtube* mempunyai persepsi yang lebih baik dalam penggunaannya sebagai media pengajaran berbanding platform *Facebook* dan *Twitter*. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan media sosial memberikan impak positif terhadap peningkatan kemahiran pelajar, komunikasi pelajar dan kandungan pelajaran.

Media Sosial Memudahkan Pembelajaran atas Talian

Kajian oleh Husain, Darmi, Mohd Nor & Ismail (2022) melihat maklum balas pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Sepanyol peringkat asas di Universiti Putra Malaysia. Seramai 104 pelajar memberi maklum balas berkaitan dengan kepuasan mereka mempelajari bahasa Sepanyol melalui penggunaan teknologi (media sosial) seperti *Youtube*. Selain itu, aplikasi dalam talian untuk tujuan pembelajaran juga diperkenalkan seperti *Wordwall*, *Duolingo*, *lingua.com*, *spanishspanish.com* dan *studyspanish.com*. Oleh itu, penggunaan teknologi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan mutu pendidikan kerana menjadi pemudah cara dalam situasi pembelajaran dalam talian. Maka, wujud kepelbagaian aplikasi yang terkini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan menarik. Berdasarkan sorotan karya di atas, ia menunjukkan media sosial seperti *Youtube*, *Instagram*, *WhatsApp* dan *Tiktok* mempunyai potensi signifikan dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran bahasa antarabangsa melalui peningkatan motivasi, interaksi autentik dan penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar IPT termasuk UUM. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pemilihan platform yang sesuai digunakan berdasarkan pemilihan platform yang sistematik dan berasaskan bukti, yang menjadi aspek penting bagi memastikan integrasi media sosial dalam PdP bahasa antarabangsa di UUM lebih berfokus, relevan dan lestari.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual untuk mengenali pola pilihan platform media sosial dan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan tersebut dalam konteks pembelajaran bahasa antarabangsa di UUM.

Sampel Kajian

Terdapat 5 orang pelajar dipilih sebagai informan iaitu pelajar dari kursus bahasa Jerman (2 orang pelajar), Arab (2 orang pelajar) dan Sepanyol (1 orang pelajar).

Pemilihan 5 orang informan adalah kerana berlakunya ketepuan data terhadap 5 informan tersebut. Ini kerana semasa sesi temu bual dibuat tiada maklumat baharu yang diperolehi daripada informan. Data yang diperolehi lebih kurang sama dan tidak memerlukan lebih banyak informan dalam kajian ini.

Kesemua informan ini mempunyai ciri-ciri dan pengalaman khusus yang sama iaitu mereka adalah merupakan pelajar UUM yang mempelajari kursus bahasa antarabangsa tahap satu dan mereka menggunakan media sosial sebagai sumber pembelajaran. Pemilihan saiz informan ini juga berdasarkan Creswell (2018), yang menyatakan saiz sampel adalah antara 3 hingga 10 orang peserta bagi kajian fenomenologi dan kajian kes kualitatif mendalam.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah melalui kaedah temu bual yang berstruktur. Satu set soalan yang sama dan telah disusun mengikut urutan yang betul digunakan secara sama rata kepada lima orang informan itu. Ini untuk memastikan data yang diperolehi konsisten dan tepat. Terdapat dua bahagian soalan, iaitu Bahagian A yang membincangkan tentang demografi dan Bahagian B yang merupakan soalan-soalan berdasarkan topik kajian yang telah ditetapkan.

Prosedur Pengumpulan Data

Mendapat Kelulusan Etika

Kami telah mendapat kebenaran daripada informan bagi menjalankan temu bual ini.

Pelaksanaan Temu bual

Sesi temu bual dijalankan secara berkumpulan dan dalam talian. Soalan dikemukakan secara berstruktur mengikut bahasa. Selanjutnya, rakaman audio dan video di ambil atas kebenaran informan.

Analisis Data

Data yang diperolehi melalui temu bual telah ditulis semula dan dibaca berulang kali supaya tidak timbul kesilapan dalam maklumat tersebut. Seterusnya, data yang diperolehi dikenal pasti frasa dan teks atau kata kunci utama daripada jawapan yang diberikan oleh informan. Data tersebut akan dikemaskini kepada kategori berdasarkan tema menggunakan kaedah tematik.

Dapatan Kajian**Dapatan Kajian Melalui Temu bual**

Soalan Kajian	Dapatan Utama	Contoh Platform & Penggunaan
1. Platform yang digunakan	platform umum · Facebook · Instagram · TikTok · YouTube Platform khusus · Duolingo · Xiao Hong Shu	Ø Bahasa Arab: Facebook, Instagram, TikTok, YouTube Ø Bahasa Jerman: Instagram, YouTube, Duolingo Ø Bahasa Sepanyol: Xiao Hong Shu, YouTube, Duolingo
2. Mengapa digunakan?	· Maklumat luas & cepat · Mudah difahami · Interaktif & menarik (kuiz, video pendek) · Akses percuma & segera	Ø YouTube: nota, sebutan, animasi Ø TikTok / IG Reels: video 15–40 saat, ringkas & menarik Ø Duolingo: gamifikasi & latihan kuiz Ø Xiao Hong Shu: terjemahan segera, bookmark

Jadual 1: Platform Media Sosial

Jadual di atas menunjukkan semua pelajar memilih platform *YouTube* sebagai platform media sosial yang mereka minati. Terdapat juga kecenderungan memilih platform lain seperti *Xiaohongshu*, *Duolingo*, *Facebook* dan *Instagram*.

Jadual 2: Faktor Pemilihan Platform Media Sosial

Kategori	Sebab pemilihan platform	Contoh platform
Kebolehcapaian platform (<i>Platform Accessibility</i>)	Mudah diakses, cepat digunakan dan boleh mendapatkan kandungan pada bila-bila masa. Fungsi seperti <i>hashtag</i> , <i>bookmark/save</i> dan carian memudahkan pelajar mendapatkan serta menyimpan bahan pembelajaran.	TikTok, Instagram, YouTube, Facebook, Duolingo
Ciri visual dan interaktif (<i>Visual and Interactive Features</i>)	Kandungan video yang pendek, ringkas dan menarik; penggunaan animasi, visual, kuiz dan permainan meningkatkan keterlibatan serta menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan tidak membosankan.	TikTok, Instagram Reels, YouTube, Duolingo

Kategori	Sebab pemilihan platform	Contoh platform
Fungsi sokongan bahasa (<i>Language Support Functions</i>)	Sarikata membantu pelajar memahami sebutan dan ejaan, manakala fungsi terjemahan segera menyokong pemahaman kosa kata dan makna.	TikTok, YouTube, Duolingo
Kemudahan pembelajaran (<i>Learning Convenience</i>)	Kandungan disampaikan secara ringkas dan terus kepada isi utama. Duolingo pula menyediakan pembelajaran secara berperingkat daripada tahap mudah kepada tahap lebih kompleks melalui kuiz dan permainan. Facebook Group membolehkan perkongsian nota dan interaksi sesama pelajar.	TikTok, Duolingo, Facebook Group, YouTube

Pemilihan platform media sosial sebagai alat pembelajaran bahasa antarabangsa dibuat berdasarkan empat aspek utama, iaitu kesesuaian dalam penggunaan, ciri-ciri visual dan interaktif, fungsi bantuan bahasa, serta kemudahan dalam proses pembelajaran.

Dari segi kemudahan, pelajar memilih platform yang memudahkan mereka mengakses bahan pembelajaran dengan mudah, fleksibel dan pada masa yang bersesuaian. Fungsi seperti hashtag dan bookmark membantu pelajar mencari, menyimpan, dan mengakses semula bahan-bahan yang berkaitan dengan mudah.

Dari segi visual dan interaktif, video pendek selama 30 hingga 40 saat, animasi, kuiz dan permainan membuat penyampaian kandungan lebih menarik dan fokus. Format kandungan yang ringkas juga membolehkan maklumat disampaikan dengan lebih mudah dan terus ke fokus tanpa menjejaki pelajar dengan kandungan yang terlalu panjang.

Daripada sudut pandang fungsi bahasa, penggunaan sarikata membantu pelajar mengaitkan bunyi dengan bentuk tulisan dan membantu mereka menguasai ejaan. Fungsi terjemahan yang segera membantu pelajar memahami kosa kata dan maknanya dalam bahasa yang dituju.

Dari segi kemudahan dalam pembelajaran, *Duolingo* menawarkan cara belajar yang dibahagikan kepada pelbagai peringkat, dengan aktiviti yang bermula pada tahap yang mudah dan kemudiannya melangkah ke tahap yang lebih rumit. *Facebook Group* juga membantu pembelajaran bersama dengan cara berkongsi catatan dan berinteraksi antara para pelajar. Secara keseluruhan, memilih platform digital tidak hanya bergantung pada popularitinya, tetapi juga pada kemampuan platform itu memberi pengalaman belajar yang mudah, interaktif, dan membantu pelajar memahami bahasa.

Analisis Data dan Perbincangan

Analisis Penggunaan Platform Digital dalam Pembelajaran Bahasa Asing Berdasarkan Temu Bual Pelajar

Berdasarkan data yang diperoleh daripada 5 orang informan, data tersebut telah dianalisis untuk memilih platform, faktor-faktor yang mendorong, ciri-ciri platform yang membantu, serta jenis kandungan yang dipilih oleh pelajar. Dapatan ini memberi pencerahan tentang cara landskap

digital membantu pembelajaran bahasa secara tidak formal dan tentang bagaimana landskap digital menyokong pembelajaran bahasa secara tidak formal (*informal learning*).

Pemilihan Platform Berdasarkan Jenis dan Keperluan Bahasa

Kajian menunjukkan bahawa pelajar tidak mengikat proses pembelajaran mereka hanya kepada satu platform sahaja, tetapi menggunakan kaedah campuran seperti contoh gabungan *TikTok*, *Youtube* serta *facebook*. Secara keseluruhan, platform yang digunakan boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu platform sosial yang umum (seperti *YouTube*, *TikTok*, *Instagram*, dan *Facebook*) serta platform pembelajaran yang khusus atau berpanduan kepada niche tertentu (seperti *Duolingo* dan *Xiaohongshu*). *YouTube* dipilih sebagai platform yang digunakan oleh semua pelajar dalam pembelajaran bahasa kerana ia boleh menyediakan video-video tutor yang panjang, jelas, dan menggunakan animasi. Selain itu, platform khusus seperti *Duolingo* boleh digunakan untuk pembelajaran bahasa kerana sifatnya yang interaktif, manakala platform *Xiaohongshu* (*XHS*) menjadi pilihan yang paling popular di kalangan pelajar bahasa Sepanyol sebagai medium pengumpulan nota grafik.

Faktor Pendorong Pemilihan Platform Digital

Terdapat beberapa sebab utama yang mendorong pelajar memilih platform digital daripada media pembelajaran konvensional. Faktor yang paling utama ialah Penjimatan Masa dan Kepantasan Akses. Pelajar sekarang lebih menggemari kandungan mikro seperti video pendek yang kurang daripada dua minit melalui *TikTok* dan *Instagram Reels* kerana ia ringkas dan mudah difahami. Selain itu, faktor kecantikan visual dan komponen interaktif juga memainkan peranan yang sangat penting. Gabungan grafik yang menarik, suara yang jelas, dan mekanisme permainan seperti kuiz berperingkat dalam platform *Duolingo* berjaya mengekalkan motivasi pembelajaran pelajar. Akhir sekali, faktor kebolehan capaian maklumat secara percuma dan segera, serta adanya fungsi komuniti sokongan di platform seperti *Facebook*, memudahkan pelajar mengakses nota tenaga pengajar dan berhubung serta bertukar idea dengan pelajar lain.

Ciri-Ciri Platform yang Membantu Pembelajaran

Daripada aspek teknikal, kajian menunjukkan terdapat beberapa ciri utama dalam platform digital yang secara langsung membantu proses mempelajari dan menguasai bahasa. Ciri pertama ialah penyediaan teks sarikata bersama audio yang jelas, yang telah terbukti sangat penting bagi pelajar bahasa Arab (Pelajar 1 dan Pelajar 3) untuk menghubungkan pengucapan fonetik dengan cara menulis teks. Ciri kedua ialah keupayaan pengarkipan maklumat digital yang memudahkan akses semula maklumat. Kemudahan ini terdapat pada platform *Xiaohongshu* dan *Facebook*. Platform ini membenarkan pelajar bahasa Sepanyol membuat rujukan mereka dengan menyimpan petua berguna dan senarai kesilapan umum yang biasa mereka lakukan, supaya boleh diulangkaji semula pada masa hadapan. Ciri ketiga ialah fungsi interaktif berbentuk permainan (gamifikasi) yang terdapat dalam platform *Duolingo*, yang membolehkan pelajar menilai tahap pemahaman mereka secara perlahan melalui latihan yang tidak membosankan.

Analisis Kandungan Linguistik yang Dicari oleh Pelajar

Berdasarkan keperluan dalam memperkukuh kebolehan berbahasa, hasil kajian menunjukkan bahawa cara carian maklumat oleh kebanyakan responden secara utama tertumpu pada tiga

bidang utama kemampuan berbahasa. Domain itu mencakup kebolehan menggunakan kosakata yang betul, kesesuaian dalam struktur tatabahasa, serta kemampuan berucap dengan baik secara lisan. Bagi pelajar yang sudah sampai peringkat pertengahan, fokus kepada kandungan akan berpindah kepada aspek penerapan, seperti membina ayat yang lebih kompleks daripada perkataan asas. Selain daripada menggunakan elemen linguistik yang asli, pelajar juga secara aktif membuat carian tentang maklumat yang bersifat praktikal seperti petua pembelajaran dan pengalaman berkongsi kesilapan yang kerap dilakukan oleh penutur bukan asli. Akses ke nota yang diberikan oleh guru dalam komuniti *Facebook* juga menjadi kandungan yang bernilai tinggi dan dicari oleh pelajar untuk memastikan kebenaran maklumat yang mereka pelajari.

Perbandingan Penggunaan dan Fungsi Setiap Platform Media Sosial

Jadual 2: Perbandingan Cara Penggunaan Dan Kegunaan Setiap Platform Media Sosial.

Platform	Bidang Khusus (Niche)	Ciri-Ciri Utama	Peranan dalam Pembelajaran Pelajar
<i>Instagram</i>	Kepelbagaian Format Pengkandungan Visual	<i>Reels, Story</i> , dan <i>Live</i>	Akses kandungan visual pelbagai format secara dinamik.
<i>TikTok</i>	Pengagihan Content Berasaskan Algoritma Trend	Video pendek berasaskan algoritma <i>Feeds</i>	Penyampaian maklumat ringkas dan carian kandungan terkini.
<i>Facebook</i>	Komuniti Pembelajaran Digital & Perbincangan	Kumpulan perbincangan (<i>Groups</i>), teks, dan perkongsian pautan	Interaksi sosial, perbincangan kolaboratif, dan pertukaran maklumat.
<i>Xiaohongshu (RED)</i>	"Diari Visual" & Carian Maklumat Infografik	Grafik maklumat (<i>infographics</i>) dan ciri penterjemahan langsung	Penandaan (<i>bookmarking</i>) dan pengarkipan rujukan visual berciri interaktif.
<i>YouTube</i>	Pembelajaran Audio-Visual Mendalam	Video berdurasi panjang, animasi pengucapan, dan tutorial mendalam	Pemahaman konsep berasaskan penjelasan lisan dan visual yang komprehensif.
<i>Duolingo</i>	Pembelajaran Aktif Bergamifikasi	Kuiz interaktif, latihan pengukuhan,	Penukaran proses pembelajaran pasif

Platform	Bidang Khusus (Niche)	Ciri-Ciri Utama	Peranan dalam Pembelajaran Pelajar
	(<i>Gamified Learning</i>)	dan elemen ganjaran	kepada penglibatan aktif (<i>active learning</i>).

Setiap platform yang digunakan oleh pelajar mempunyai sistem dan bidang khusus (*niche*) yang saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai contoh, jika kita bandingkan Instagram dengan *TikTok*, *Instagram* menyediakan pelbagai fungsi seperti *Reels*, *Story*, dan *Live*, manakala *TikTok* pula lebih berfokus kepada algoritma video pendek yang sedang menjadi trend masa kini. *Facebook* merupakan satu platform yang membolehkan pengguna berinteraksi dan berbincang dalam kumpulan serta berkongsi teks, berbeza dengan *XiaoHongShu* yang berfungsi seperti "diari visual" yang penuh dengan grafik maklumat serta mempunyai ciri penterjemah yang langsung. Selanjutnya, *YouTube* masih menjadi sumber utama untuk video yang jelas dengan animasi pengucapan, manakala *Duolingo* merupakan platform satu-satunya yang menukar proses belajar pasif seperti menonton dan membaca kepada bentuk belajar aktif melalui kuiz yang interaktif.

Kesimpulan

Kajian ini berjaya mencapai kedua-dua matlamat yang ditetapkan, iaitu mengenali kecenderungan penggunaan media sosial dalam pembelajaran bahasa antarabangsa serta menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan platform media sosial yang dilakukan oleh pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). Dapatan menunjukkan pelajar menggunakan kaedah pembelajaran yang boleh diubah suai dengan mengakses pelbagai platform mengikut keperluan mereka masing-masing. Platform seperti *YouTube*, *TikTok*, *Instagram*, *Facebook*, *Duolingo* dan *Xiaohongshu* dipilih kerana menyediakan kandungan yang mudah diakses, interaktif, menarik dan sesuai untuk pembelajaran bahasa pada pelbagai tahap kemahiran.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa memilih satu platform tidak hanya bergantung kepada populariti aplikasi itu, tetapi juga bergantung kepada ciri-ciri pengajaran yang membantu proses pembelajaran bahasa. Antara faktor utama yang mempengaruhi pilihan platform ialah platform yang membantu pembelajaran, platform yang mampu menganalisis kandungan linguistik, serta platform yang dapat membuat perbandingan fungsi dan ciri setiap platform media sosial.

Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa media sosial kini bukan hanya alat untuk berkomunikasi atau mencari hiburan, malah telah menjadi sumber pembelajaran tidak rasmi yang menjadi nilai tambah kepada pengajaran rasmi di dalam kelas. Menggunakan pelbagai platform secara serentak bukan sahaja membantu pelajar mengakses lebih banyak sumber pembelajaran, tetapi juga memperkuat kemampuan mereka dalam membangunkan strategi pembelajaran sendiri yang lebih mandiri dan berkesan. Pendekatan ini menekankan peranan media digital sebagai penggerak untuk pembelajaran yang berpusatkan pelajar, sekali gus membantu membentuk literasi digital dan kemahiran metakognitif yang penting dalam konteks pendidikan pada abad ke-21.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah bahasa antarabangsa perlu menggabungkan platform media sosial yang sesuai ke dalam strategi pengajaran dan pembelajaran supaya dapat meningkatkan kehadiran serta semangat belajar para pelajar. Pihak universiti juga boleh menggunakan dapatan ini untuk menyusun strategi pengajaran secara digital yang lebih teratur dan sesuai dengan keperluan generasi pelajar pada masa kini. Walaupun kajian ini hanya melibatkan lima orang responden yang ditemu bual, hasil yang diperoleh memberikan gambaran awal mengenai cara penggunaan media sosial dalam pembelajaran bahasa antarabangsa. Oleh itu, kajian lanjut dengan sampel yang lebih besar amatlah disarankan, melibatkan pelbagai institusi pengajian tinggi, serta menggunakan pendekatan kaedah campuran supaya hasil kajian tersebut lebih menyeluruh dan boleh digunakan secara meluas.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia/Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada [Universiti Utara Malaysia di bawah Nombor Geran [Kod SO 21887].
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh [Penilai-penilai Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM, dengan nombor kelulusan UUM/RIMC/P-30/10 Jld 5]. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Masni Mansor dan Zeety Kartini Abdul Hamid bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Aida Husni Abdul Hamid mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Aziah Ahmad menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

Rujukan

- Abdul Halim, Z. Z., Azmi, D. S., & Jasmi, K. A. (2019). Media sosial dan trend penggunaan menurut Islam. In *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (pp. 1–16). Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hamid, A. H., Abdul Hamid, Z. K., & Mansor, M. (2023). Kepelbagaian trend pelajar mengaplikasikan penggunaan media sosial dalam pembelajaran bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 8(58), 88–89.
- Abdul Wahab, N., et al. (2020). Analisis keberkesanan penggunaan ICT dalam mendepani gelombang Revolusi Industri 4.0 dalam kalangan pelajar di Negeri Terengganu, Malaysia. *Asian People Journal*, 3(1), 101–109.
- Andrew, F. T., Tahir, Z., Abdul Malek, J. J., & Mohd Yusof, A. R. (2020). Ketagihan penggunaan media sosial terhadap gaya hidup belia (Social media addiction affecting the lifestyles of youths). *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(9), 126–139.
- Byram, M. (1997). *Teaching and assessing intercultural communicative competence*. Multilingual Matters.
- Cheng, C., Lau, Y.-C., Luk, J. W., & Siu, J. M. (2022). Heterogeneity of prevalence of social media addiction across multiple classification schemes: Latent profile analysis. *Journal of Medical Internet Research*, 24(1), e27000. <https://doi.org/10.2196/27000>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Fitriani, Y. (2021). Pemanfaatan media sosial sebagai media penyajian konten edukasi atau pembelajaran digital. *JISAMAR (Journal of Information System, Applied, Management, Accounting and Research)*, 5(4), 1006–1013.
- Fuja, S., & Raharja, R. M. (2021). Pemanfaatan media sosial (Instagram) sebagai media penyajian kreasi seni dalam pembelajaran. *JPKS (Jurnal Pendidikan dan Kajian Seni)*, 6(1).
- Hassan, F., Yusoff, S., Rahman, S. H., Othman, S. S., Omar, S. Z., & Ali, K. (2021). Media sosial dan terrorisme: Partisipasi dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. *Ulm Islamiyyah*, 33(3), 221–235.
- Husain, S., Darmi, R., Mohd Jalis, F. M., Mohd Nor, M., & Ismail, R. (2022). Student feedbacks on the use of technology in learning Spanish: Maklum balas pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Sepanyol. *Law, Policy, and Social Science*, 1(2), 17–25. <https://doi.org/10.55265/lpsjournal.v1i2.15>
- Hussin, S. H., & Abu Bakar, N. H. (2023). Motivasi dan penggunaan Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). *Trends in Undergraduate Research*, 6(1), f32–f41.
- Ibrahim, N. A. N., Jamri, M. H., Abdul Rani, N. S., & Khairuddin, K. (2024). Inovasi pengajaran dan pembelajaran melalui platform media sosial. *e-Journal of Media and Society (e-JOMS)*, 7(2), 121–129.
- Kirin, A., & Warman, A. B. (2023). Impak penggunaan aplikasi TikTok terhadap gaya hidup pelajar UTHM Pagoh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2), e002137. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2137>
- Manap, F. F., & Abdul Karim, A. (2017). Pengaplikasian media sosial sebagai alternatif pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar pengajian tinggi. In *Prosiding International Conference on Learning Innovation and Quality Education* (2nd Series).

- Mazni, M. M., Mohd Ahyar, N. A., Jambari, H., Noh@Seth, N. H., & Pairan, M. R. (2023). Persepsi pelajar tahun akhir bidang TVET terhadap penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 7(1), 28–41. <https://doi.org/10.11113/itlj.v7.98>
- Mohd Hamizi, M. A. F., & Hamzah, I. S. (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 24–37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>
- Nasruddin, M. N. E., & Ramli, Z. (2020). Keberkesanan media massa dan media sosial kepada masyarakat dalam menyelesaikan isu penjagaan warisan negara. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 4(1), 1–14.
- Nasution, A. (2020). Integrasi media sosial dalam pembelajaran Generasi Z. *JTIP*, 13(1), 80–86.
- Saeed, R., & Salloum, S. A. (2021). An integrated model of continuous intention to use of Google Classroom. In *Recent advances in intelligent systems and smart applications* (pp. 311–335). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-030-47411-9_18
- Salsabila, O. N. (2026). Revolusi Digital Pandai-Ulang Kaji Pintar: Transformasi Pendidikan Melalui Teknologi Pintar. Afdan Rojabi Publisher.
- Ugartini Magesvaran. (2021). Tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi Google Meet dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (Malay Language Education Journal)*, 11(2), 39–53.
- Wen, E. Z., Husain, K., Jamal, J. A., & Jalil, J. (2025). Tinjauan Terhadap Pendekatan Pembelajaran Farmasi Dalam Talian. *Malaysian Journal of Health Sciences/Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 23(2), 155
- Yun Xuan, N., & Kutty, F. M. (2022). Potensi penggunaan media sosial terhadap kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), e001375.
- Zamri, F. A. (n.d.). *Penggunaan media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di IPT* (Unpublished thesis). Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.